

UMC Dalam Negeri Ahad 12/10/14 m/s 18

'Berbudi kepada masyarakat'

Oleh ZAMZURINA AHMAD
zamzurina.ahmad@utusan.com.my

KUANTAN 11 Okt. - Setiap graduan perlu memupuk kesedaran dan keinsafan yang tinggi untuk kembali berbudi kepada masyarakat selepas memperoleh kejayaan.

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah beritah, ibarat peribahasa Melayu 'benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau', yang merujuk kepada keteguhan peribadi dan ketulenan jati diri seseorang graduan yang menerima asuhan sejak kecil dan perlu berbudi serta berjasa dengan memastikan kehadirannya memberi manfaat kepada masyarakat.

"Saya percaya tiada ibu bapa tidak berasa bangga dan bersyukur melihat kejayaan anak dalam majlis konvokesyen ini, rasa syukur itu adalah cerminan terhadap

usaha serta keringat dicurahkan bagi membesarkan anak sehingga bergelar graduan.

"Dengan bekalan asuhan nilai di rumah, ditambah pendidikan formal di sekolah dan universiti, maka graduan perlu mempunyai kesedaran serta keinsafan tinggi untuk kembali berbudi.

"Pesanan saya kepada graduan semua, di mana jua saudara dan saudari berada dan berkhidmat selepas ini, kehadiran anda seharusnya memberi manfaat kepada masyarakat di sekitar anda," titah baginda pada Majlis Konvokesyen Ke-9 UMP di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Mohd. Hilmey Mohd. Taib dan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Menurut Tengku Abdullah, konvokesyen kesembilan UMP itu adalah satu manifestasi kecemerlangan

lestari universiti yang mencapai usia 12 tahun penubuhan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam.

"Pelbagai pencapaian dan kejayaan diraih UMP seperti dilaporkan oleh Naib Canselor membuktikan bahawa universiti ini berada pada landasan tepat untuk menjadi sebuah universiti teknologi pilihan utama.

"Pengiktirafan diberi Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang mengiktiraf UMP sebagai universiti terbaik di Asia pastinya berkait rapat dengan keunikan struktur pengajian kejuruteraan dan teknologi di universiti ini," titah baginda.

Tengku Abdullah percaya kejayaan itu dicapai hasil kebijaksanaan kepimpinan pihak pengurusan, kewibawaan tenaga akademik dan pentadbir selain kesedaran tinggi mahasiswa UMP terhadap

tanggungjawab serta kewajipan mereka.

"Kejayaan dicapai pada hari ini adalah satu cabaran buat Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan

UMP bagi mengekalkan kecemerlangan kerana untuk mengekalkannya adalah lebih sukar daripada menciptanya.

"Kejayaan sesebuah organisasi

seperti UMP ini tentunya menuntut pembabitian semua warga UMP sama ada kakitangan dan mahasiswa untuk bersama-sama mengemulung usaha mencipta kejayaan," titah baginda.



TENGGU Abdullah Sultan Ahmad Shah beramah mesra dengan penerima anugerah cemerlang pada Majlis Konvokesyen Ke-9 UMP di Kuantan, Pahang, semalam. Turut kelihatan, penerima Anugerah Kecemerlangan Yayasan Pahang, Rahimah Embong (kanan). - MINGGUAN/MAHATHIR ALI